

UNTUK SIARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
PEJABAT MENTERI PENDIDIKAN**

**RMK13 SERLAH KOMITMEN KERAJAAN MADANI UNTUK
MEREFORMASIKAN PENDIDIKAN NEGARA**

Kementerian Pendidikan (KPM) menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim atas pembentangan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) yang turut memberi tumpuan kepada agenda reformasi pendidikan yang menyeluruh berpandukan kepada kerangka Malaysia MADANI.

Menerusi RMK13, KPM akan memberi sepenuh tumpuan kepada pendidikan prasekolah hingga menengah. Ini memastikan sistem pendidikan serta kawal selia yang lebih berfokus dan berkesan.

Sebanyak RM67 bilion diperuntukkan untuk sektor pendidikan, termasuk bagi pembinaan sekolah baharu serta memperbaiki dan menaik taraf infrastruktur institusi pendidikan di seluruh negara.

Inisiatif pembinaan sekolah yang dijadikan sebahagian syarat bagi projek perumahan berskala besar baharu serta peluasan pembinaan sekolah vertikal akan dilaksanakan bagi menangani isu sekolah padat dan kekurangan tapak sekolah yang sesuai terutamanya di kawasan berkepadatan tinggi.

Tumpuan Kerajaan MADANI pada ketika ini adalah untuk memastikan kadar enrolmen murid pada peringkat prasekolah dan menengah mencapai enrolmen sejagat. RUU Pendidikan (Pindaan) 2025 bertujuan mewajibkan pendidikan menengah telah diluluskan Dewan Rakyat baru-baru ini. Tumpuan seterusnya adalah untuk mewajibkan pendidikan peringkat prasekolah.

Langkah untuk mewajibkan pendidikan prasekolah bermula pada usia lima tahun bertujuan menyediakan pengalaman pembelajaran asas yang holistik dan menyeluruh kepada kanak-kanak. Bagi memastikan usaha ini berjaya, lebih banyak kemudahan prasekolah bawah KPM akan dibuka di seluruh negara.

Penekanan khusus diberi kepada usaha bersepadu bagi memperkasa penguasaan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, pengukuhan bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) serta literasi digital termasuk teknologi kecerdasan buatan (AI).

Guru adalah asas penting kejayaan agenda reformasi pendidikan negara. Justeru, Kerajaan MADANI akan memberi fokus kepada aspek tambah baik pengambilan guru baharu, program latihan persediaan serta peningkatan kompetensi dan profesionalisme guru dalam perkhidmatan.

RMK13 adalah manifestasi iltizam dan ikhtiar Kerajaan MADANI untuk mereformasikan pendidikan negara menerusi pendekatan baharu yang radikal demi manfaat anak-anak Malaysia.

-TAMAT-

FADHLINA SIDEK
MENTERI PENDIDIKAN
1 OGOS 2025